



**SOALAN-SOALAN LAZIM
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
SESI JULAI 2022**

SEMAKAN PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN ONLINE

- 1) **Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menerima tawaran tersebut?**

Terdapat **empat (4)** langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- a) Semakan permohonan kemasukan di laman web <https://eadmission.kptm.edu.my>. Cetak Surat Tawaran dan Muat Turun Buku Panduan Pendaftaran di menu >> **Review**.
- b) Menyemak dan mengemaskini maklumat penjaga di menu >> **Guardian**.
- c) Membuat bayaran yuran pengesahan penerimaan tawaran dan yuran pendaftaran (**RM 350**) melalui atas talian (online) FPX di menu >> **Payment**.
- d) Mendaftar secara atas talian (online) di laman web <https://eregister.kptm.edu.my> bermula **12 – 14 Julai 2022**. Pelajar diminta untuk memuatnaik dokumen salinan kad pengenalan dan slip SPM/berkaitan (screenshot/snapshot).

- 2) **Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa kaedah pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?**

(i) Mendaftar secara atas talian di Sistem Eregister (12 -14 Julai 2022)

Langkah-langkah untuk melapor diri :

- a. Pelajar baharu yang telah membuat bayaran RM350 perlu akses ke laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> **STUDENT LOGIN**
- b. Login dengan **No. MyKAD** dan Password : **No. Rujukan Surat Tawaran**
- c. Klik **GO TO ENROLMENT PAGE**.
- d. Pelajar **WAJIB** memasukkan 'Nickname' serta **mengemaskini nombor telefon** dan **alamat emel peribadi**. Seterusnya klik **UPDATE**. PASTIKAN nombor telefon dan alamat emel adalah sah dan boleh dicapai, makluman ID pelajar dan panduan tindakan pelajar baharu akan disalurkan ke emel yang didaftarkan sebelum **16 Julai 2022**. Mohon buat semakan di kedua- dua emel sekiranya pelajar menukar alamat emel di eregister.
- e. Seterusnya, pelajar perlu **memuatnaik MyKAD asal (wajib)** dan mukasurat penuh **sijil/slip SPM asal (wajib)**. Klik '**Submit**'. Semak dan pastikan dokumen berjaya dimuatnaik dan boleh dibaca sepenuhnya. Selesai.

****sebagai tujuan keselamatan, dokumen yang dimuatnaik perlu berpaling dengan tulisan "UNTUK KEGUNAAN KPTM"***

(ii) Mendaftar masuk ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan **SPMP** seperti di bawah pada 16 - 18 Julai 2022. Mendaftar masuk ke sistem SPMP dilakukan setelah pelajar menerima makluman pengaktifan **SPMP** oleh pihak kolej melalui emel peribadi pelajar yang didaftarkan.

Pautan SPMP : <http://smpbbp.kptm.edu.my/portal/login.asp>

Username : No Matrik (BPJ22*****)

Password : No KP (tanpa '-')

****(Catatan : No.ID/Matrik pelajar akan DIMAKLUMKAN kepada pelajar pada 14 -15 JULAI 2022 melalui emel peribadi pelajar yang didaftarkan. Mohon semak kedua-dua emel yang didaftarkan sekiranya menukar emel peribadi di eregister)***

Pelajar dikehendaki menukar *password* bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **Sesi Julai 2022**. Pelajar akan memperolehi email rasmi KPTM (@student.kptm.edu.my) melalui SPMP.

3) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran.

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

4) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

PENDAFTARAN MASUK ASRAMA

1) Di manakah lokasi pendaftaran saya pada 16 Julai ini?

Lokasi bagi pendaftaran pelajar baharu bagi sesi Julai 2022 telah ditetapkan seperti berikut:

Kategori	Alamat
Pelajar Siswa	Blok B, Asrama Siswa, KKTm Sri Gading, Batu 11, Jalan Kluang, 86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Pelajar Siswi	Asrama Siswi, KPTM Batu Pahat, Jalan Gading Emas 4, Taman Gading Emas, 83300 Sri Gading, Batu Pahat

2) Adakah pihak KPTM menetapkan agihan masa bagi proses pendaftaran?

Bagi mengelakkan kesesakan dan mengatur jadual pergerakan keluar masuk kenderaan, pelajar diminta mendaftar mengikut agihan masa seperti ketetapan berikut:

Program	Masa
Diploma in Human Resource Management (AB107)	9.00 pagi – 12.00 tengahari
Diploma in Computer System and Networking (CC103)	12.00 tengahari – 2.00 petang
Diploma in Information Technology (CT103)	
Diploma in Computer Graphic Design (CT108)	2.00 petang – 4.00 petang

3) Saya tinggal berdekatan dengan kolej (di sekitar Batu Pahat) dan tidak memohon untuk duduk di asrama. Adakah saya juga perlu melapor diri di asrama pada hari tersebut?

YA, pelajar yang tinggal di kediaman sendiri perlu melapor diri di lokasi seperti yang ditetapkan. Pelajar boleh kembali ke kediaman masing-masing selepas selesai proses lapor diri.

ORIENTASI

1) Bilakah sesi orientasi bermula dan tamat?

Sesi orientasi berlangsung selama dua (2) hari bermula pada **17 - 18 Julai 2022**.

2) Bolehkah saya tidak mahu terlibat dengan sesi orientasi?

Tidak boleh. Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi orientasi yang ditetapkan oleh pihak kolej. Walaubagaimanapun, sekiranya pelajar memohon untuk pengecualian dengan sebab-sebab yang tertentu dan munasabah, permohonan secara surat perlu dibuat kepada Pengarah Kolej.

ASRAMA

1) Adakah pihak kolej akan menyediakan pengangkutan dari asrama ke kolej? Jika ada, berapa bayaran yang dikenakan?

Ya, bagi pelajar siswa, pihak kolej menyediakan pengangkutan pergi balik dari asrama ke kolej. Jadual waktu kelas dan dan bas akan diberikan kepada pelajar pada minggu orientasi. Bayaran yang dikenakan telah dimasukkan ke yuran asrama

2) Bolehkah saya membawa kenderaan ke asrama?

TIDAK BOLEH. Pelajar baharu tidak dibenarkan membawa kenderaan sendiri ke asrama.

3) Adakah pihak kolej akan menyediakan penginapan asrama sepanjang 2 tahun 4 bulan bagi tempoh pengajian?

TIDAK. Pihak kolej hanya menyediakan penginapan selama **tiga (3) semester sahaja (tertakluk kepada keadaan semasa pengambilan pelajar bagi setiap semester)**. Walaubagaimanapun, sekiranya ada kekosongan, pelajar boleh memohon untuk terus tinggal di asrama.

4) Apakah kelengkapan yang disediakan oleh pihak kolej? Berapakah bilangan pelajar / bilik?

Pihak kolej hanya menyediakan katil, tilam, almari dan meja tulis sahaja kepada pelajar. Pelajar perlu membawa kelengkapan yang lain.

Bagi pelajar siswi, satu bilik boleh memuatkan 5-6 orang pelajar / bilik. Bagi pelajar siswa satu bilik boleh memuatkan 4-5 orang pelajar / bilik.

5) Adakah yuran asrama merangkumi duit makan dan minum pelajar?

TIDAK. Makan minum pelajar ditanggung sepenuhnya oleh pelajar sendiri. Bagi pelajar siswa, pelajar boleh menggunakan kafeteria yang disediakan di asrama KKTM atau sekitarnya dan juga kedai makan berhampiran di kolej untuk urusan tersebut.

6) Adakah pihak kolej membenarkan pelajar untuk keluar 'outing' dan balik bermalam pada hujung minggu?

Pelajar dibenarkan untuk 'outing' pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak kolej. Bagi urusan balik bermalam, pelajar dibenarkan balik 2 minggu sekali dan permohonan perlu melalui penyelia asrama.

Bagi urusan keluar masuk asrama pelajar perlu mematuhi peraturan seperti ketetapan berikut:

Kategori	Hari/Masa
Asrama Siswa	Ahad – Khamis 4.30 petang hingga 6.30 petang Jumaat – Sabtu 8 pagi – 10 malam <i>*tertakluk arahan semasa pihak KKTM</i>
Asrama Siswi	Ahad – Khamis 8 pagi – 7 malam Jumaat – Sabtu 8 pagi – 10 malam

KULIAH

1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sesi kuliah secara bersemuka dengan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*) akan bermula pada **20 Julai 2022 (Rabu)**.

2) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Batu Pahat?

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Batu Pahat adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

3) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus

4) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

5) Bagaimanakah penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di website KPTM Batu Pahat.

KEWANGAN

1) Apakah pembayaran yang dikenakan oleh pihak kolej ?

Kategori Yuran	Caj yang dikenakan	Tarikh akhir pembayaran	
Yuran Pengajian	AB107 : (RM 2,800 / semester 1 – 6) CC103,CT103,CT108 : (RM 3,100 / semester 1 – 6) SEMUA PROGRAM : RM 1,800 / semester 7	Sebulan sebelum peperiksaan akhir semester bermula	
Yuran Perkhidmatan	Setiap sesi perlu rujuk di epay.kptm.edu.my @ di struktur yuran program	Sebelum pendaftaran sesi baharu	
Yuran Asrama	Sesi	Sebelum akhir semester setiap sesi	
	April 2022		RM 540.00
	Julai 2022		RM 720.00
	November 2022	RM 900.00	

2) Bagaimana saya hendak membuat pembayaran yuran ?

Semua pelajar diwajibkan membuat pembayaran yuran pengajian, yuran perkhidmatan dalam yuran asrama melalui <https://epay.kptm.edu.my/> dengan menggunakan email rasmi KPTM.

3) Saya layak memohon pinjaman MARA dan perjanjian telah dihantar ke Jabatan Kewangan KPTM Batu Pahat, adakah yuran-yuran lain yang perlu dibayar ?

YA, bagi pelajar yang mendapat pinjaman MARA, hanya yuran perkhidmatan & yuran asrama yang perlu dibayar mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi setiap sesi.

4) Saya tidak memohon pinjaman MARA pada semester 1, adakah saya perlu membuat bayaran keseluruhan yuran pengajian ?

YA, pelajar wajib membuat pembayaran keseluruhan yuran semester 1. Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk membuat permohonan PTPTN.

Bagi ibubapa yang bekerja dan mempunyai Akaun KWSP, pengeluaran akaun 2 bagi tujuan pendidikan anak adalah dibenarkan. Sila rujuk Unit Tajaan, Jabatan Kewangan KPTM Batu Pahat untuk keterangan lanjut.

5) Adakah saya dibenarkan untuk membuat bayaran secara ansuran ?

Tidak dibenarkan bagi yuran perkhidmatan dan yuran asrama.

Bagi yuran pengajian pula, anda perlu merujuk terus ke Unit Akaun Pelajar, Jabatan Kewangan.

6) Jika saya berhenti dan tidak menghabiskan sesi semester 1, adakah saya dikenakan apa-apa pembayaran ?

YA, sila rujuk **Borang Perakuan Pematuhan Polisi Kewangan** yang disertakan dalam buku panduan pendaftaran pelajar baharu KPTM 2022.

PINJAMAN PELAJARAN MARA/PTPTN

- 1) **Bolehkah saya memohon pinjaman MARA/PTPTN bagi membiayai pengajian di KPTM? Apakah syarat dan kelayakan pelajar untuk memohon pinjaman MARA/PTPTN?**

Boleh. Bergantung kepada kursus serta syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA/PTPTN. Ia juga bergantung kepada kelulusan oleh pihak MARA/PTPTN.

*** SYARAT-SYARAT PINJAMAN MARA**

- a) **Kelayakan SPM dan pelajar berstatus Bumiputera**

PROGRAM AB107 & CT108	PROGRAM CC103 & CT103
MANA-MANA 3 SUBJEK	3 SUBJEK TERMASUK MATEMATIK DAN 1 SUBJEK SAINS/TEKNIKAL
LULUS SPM (LULUS BAHASA MELAYU & SEJARAH) ATAU KELAYAKAN SETARAF	

- b) **Pendapatan sosio ekonomi keluarga**

Jumlah Pendapatan (RM) sebulan	Deskripsi
RM 0 – RM 12,000	Layak yuran pengajian penuh dan elaun sara diri
RM 12,001 – RM 20,000	Pinjaman sebahagian (Yuran pengajian SAHAJA)

*** SYARAT-SYARAT PINJAMAN PTPTN**

- a) **Kelayakan SPM**

(Lulus SPM dan bersamaan syarat kelayakan masuk program)

- a) **Pendapatan sosio ekonomi keluarga**

*bergantung kepada jumlah pendapatan isi rumah

*tertakluk kepada terma dan syarat PTPTN

- 2) **Adakah pinjaman pelajaran MARA / PTPTN termasuk yuran pengajian dan asrama? Berapakah jumlah pinjaman yang diberikan?**

Tidak. Pinjaman pelajaran MARA / PTPTN hanya merangkumi yuran pengajian sahaja. Yuran asrama ditanggung sepenuhnya oleh pihak pelajar. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman untuk yuran pengajian bergantung sepenuhnya kepada taraf sosio ekonomi keluarga.

- 3) **Alternatif lain sekiranya saya TIDAK LAYAK mendapat pinjaman/bantuan?**

Pelajar boleh memohon ke mana-mana pusat zakat negeri/ pusat baitulmal (*bergantung kepada negeri kelahiran/tempat tinggal pelajar masing-masing*). Walau bagaimanapun, jumlah bantuan yang diberikan bergantung sepenuhnya kepada pusat zakat / institusi yang dipohon.

- 4) **Bolehkah saya memohon untuk membuat bayaran yuran pengajian/yuran lapor diri melalui KWSP? Adakah pihak kolej akan membantu?**

Boleh dan pihak kolej akan membantu untuk urusan tersebut dengan membuat surat pengesahan dan pengeluaran surat tawaran kepada pihak KWSP dalam masa **dua (2) minggu** selepas tarikh permohonan.

LAIN-LAIN

1) Dokumen Set 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar sebagai pelajar?

Boleh. Bagi pelajar yang telah melengkapkan Set 1, dokumen perlu diserahkan kepada kolej secara berperingkat bermula **17 Julai – 20 Julai 2022**.

Manakala bagi pelajar yang belum melengkapkan Set 1, tarikh akhir penyerahan dokumen Set 1 ke kolej adalah selewat-lewatnya **15 Ogos 2022**.

2) Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej setelah melapor diri?

Boleh. Walaubagaimanapun bergantung kepada syarat kelayakan untuk program tersebut dan kekosongan tempat serta atas kelulusan pihak kolej.

3) Apakah peralatan yang dibenarkan dibawa ke asrama dan berapakah harga yang perlu dibayar bagi setiap peralatan?

Pihak kolej telah menetapkan peralatan yang boleh dibawa ke asrama dan butiran caj yang dikenakan adalah seperti berikut:

Bil.	Peralatan (Setiap Bilik)	Yuran/Caj Bayaran
1.	Cerek Elektrik <i>Hanya Satu Dibenarkan Setiap Bilik</i>	PERCUMA
2.	Komputer Peribadi / Laptop	10.00
3.	Lampu Belajar	PERCUMA
4.	Kipas Mudah Alih	10.00
5.	Pembakar Roti Elektrik <i>Hanya Satu Dibenarkan Setiap Bilik</i>	PERCUMA
6.	Pencukur Elektrik	PERCUMA
7.	Pengecas Bateri Laptop/Telefon/kamera	PERCUMA
8.	Pengering Rambut	10.00
9.	Seterika <i>Hanya Satu Dibenarkan Setiap Bilik</i>	PERCUMA
10	<i>Extension Wire</i> bagi mengelakkan lintar pintas, sila gunakan wayar penyambung yang mendapat kelulusan SIRIM dengan panjang melebihi 10M.	PERCUMA